

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI BALAI KUALA LUMPUR
JALAN HISAMUDDIN, KUALA LUMPUR
PADA HARI SABTU, 18HB. MEI, 1985
PUKUL 9.30 PAGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan selamat sejahtera,

Dif-Dif Kehormat,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang telah melimpahkan taufik dan hidayatNya, serta mengizinkan kita semua bertemu di majlis pembukaan rasmi Balai Kuala Lumpur pada pagi ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan pembukaan Balai ini.

2. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan atas inisiatifnya menubuhkan Balai Kuala Lumpur. Di sini saya rasa amat gembira mendapat tahu bahawa inilah satu-satunya pusat penerangan dan perkhidmatan yang berjaya menempatkan beberapa badan penting seperti Perbadanan Kemajuan Pelancungan, Persatuan Pelancungan Kuala Lumpur, Pertubuhan Perkhidmatan Sosial Sang Kancil atau SKOSS dan Markas Drama di satu tempat yang dikhaskan. Langkah menempatkan pusat penerangan, perkhidmatan, kesenian serta pameran di Balai Kuala Lumpur ini kena pada masa dan tempatnya, terutama menjelang persidangan PATA tahun 1986 nanti, di mana Malaysia menjadi tuan rumah.

3. Melalui badan-badan tersebut, yang membawa kepada pembentukan Balai Kuala Lumpur ini, membuktikan kepada kita semua bahawa satu lagi kemajuan telah dicapai ke arah usaha menggalakkan pelancungan di rantau ini.

4. Saya begitu yakin usaha Kementerian mendapatkan bangunan ini akan menggalak dan membantu badan-badan kesenian, umpamanya Markas Drama yang ditempatkan di sini, bergiat lebih cergas untuk memupuk perkembangan kesenian dan kebudayaan. Hanya dengan daya usaha seperti ini, orang ramai ataupun para pelawat berpeluang menyaksikan pementasan atau pertunjukkan yang membolehkan Kuala Lumpur lebih dikenali di mata para pelancang, biarpun yang datang dari dalam mahupun luar negeri.

5. Dengan terdirinya Balai ini juga, orang ramai khususnya pelawat-pelawat dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk mereka. Walaupun pusat kemudahan seperti ini telah sedia wujud di negara ini, tetapi ianya belum lagi mencapai ke tahap yang membanggakan dalam usaha menarik lebih ramai para pelancang ke negara ini. Pendek kata, sebelum ini semua maklumat yang diperlukan untuk kegunaan para pelancang sukar diperolehi di satu tempat. Bagaimanapun, usaha Kementerian Wilayah Persekutuan mengilhamkan Balai Kuala Lumpur ini dengan menempatkan beberapa badan pelancungan disatu tempat patutlah diberi penghargaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Tentu ramai di antara kita yang tidak mengetahui bahawa pameran yang akan kita saksikan nanti adalah hasil usaha kaum wanita di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bawah Projek Pembangunan Sang Kancil anjuran SKOSS. Adalah amat menggalakkan sekali bahawa 'SKOSS' ketika ini sedang giat menjalankan aktiviti-aktiviti untuk meninggikan taraf hidup golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur. Saya difahamkan bahawa SKOSS telah muncul sebagai sebuah organisasi yang dapat membantu Kerajaan dalam pembangunan dengan memberikan perhatian terhadap penambahan pendapatan di kalangan kaum wanita.

7. Daya usaha yang bersungguh-sungguh untuk menggerakkan kegiatan kraftangan dapat menghidupkan semula seni budaya bangsa kita yang kian pupus. Saya percaya ketekunan dan daya kreatif akan menghasilkan bahan kraftangan dan bahan seni yang bermutu, yang bukan sahaja boleh dijadikan perhiasan, cenderamata atau lambang kesenian bangsa, malah ia juga boleh mendatangkan pasaran yang baik dalam atau luar negeri. Saya juga yakin hasil-cipta yang dipamerkan di Balai Kuala Lumpur ini akan dapat menjadi daya penarik utama kepada para pengunjung, di samping kemudahan-kemudahan lain yang ada disediakan.

8. Tidak syak lagi bahawa Balai Kuala Lumpur patut diberi pengiktirafan yang sewajarnya, sesuai dengan peranannya sebagai salah sebuah pusat terpenting untuk menggalakkan pelancungan. Adalah menjadi harapan saya supaya balai ini akhirnya akan menjadi tempat kunjungan utama, seperti juga bangunan-bangunan utama yang berdekatan dengan Balai ini, seperti Masjid Negara, Muzium Negara, Balai Seni Lukis Negara, Stesyen Keretapi Tanah Melayu dan Memorial Tun Razak yang sering kali dibanjiri oleh para pelawat.

9. Saya juga menyeru supaya semua agensi yang ditempatkan di Balai ini akan dapat mempertingkatkan dan menggunakan cara yang sempurna dalam usaha menjadikan Balai Kuala Lumpur ini sebagai sebuah pusat pengumpulan maklumat yang berkesan, sesuai dengan kehendak masa kini. Di samping itu saya juga berharap agar kerjasama yang erat akan terus terpelihara dari masa ke semasa dalam urusan pengendalian Balai ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Akhirnya, saya menyeru kepada pihak-pihak yang telah membantu usaha-usaha ke arah penubuhan Balai ini supaya dapat meneruskan usaha-usaha mendirikan beberapa Balai yang serupa di bandar-bandar besar lain pada masa-masa akan datang. Dengan ini, saya dengan sukacitanya membuka Balai Kuala Lumpur ini dengan rasminya.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.
